NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#15

11 April 2024 – 17 April 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/nexus

ISI KANDUNGAN

Pemilikan Saham HeiTech Padu: Satu Retorik PMX 2
Pemindahan Operasi MNC Keluar Dari Singapura 4
Waspada Impak Ekonomi Konflik Iran-Israel 6
Akaun 3 KWSP Jejaskan Pencarum Lepas Bersara 9
Cuaca Panas Datang Lagi 12
Subsidi Bersasar Imbangi Keperluan Rakyat 15

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Pemilikan Saham HeiTech Padu: Satu Retorik PMX

- Datuk Seri Anwar Ibrahim suatu ketika dahulu menentang perjuangan politik yang hanya merebut kedudukan dan kemewahan hanya memperkayakan golongan kaya.
- Bermula dengan langkah kronisme dengan melantik anak PM sebagai Penasihat Kanan Ekonomi dan Kewangan kepada PM di awal pemerintahan kerajaan PH-BN, langkah beliau kini diteruskan lagi.
- Kini, **Datuk Farhash Wafa Salvador**, bekas Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Pengerusi Parti Keadilan Rakyat (PKR) Perak muncul sebagai **pemegang saham besar** baharu HeiTech Padu Bhd dengan kepentingan tidak langsung sebanyak 15.9 peratus atau 16.1 juta saham yang dibeli di awal Mac.
- Sebelum itu, beliau dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif Kumpulan Apex Equity Holdings Bhd pada Disember 2022 dan Pengerusi Eksekutif Excel Force MSC Bhd pada Mei 2023, beberapa bulan selepas PH-BN memerintah.
- Syarikat **HeiTech Padu Bhd** adalah syarikat yang telah memperoleh banyak kontrak kerajaan, antaranya kontrak penyenggaraan dan perkhidmatan menyeluruh aplikasi Sistem Imigresen Jabatan Imigresen Malaysia (MyIMMs) bernilai RM33.92 juta dan kontrak bernilai RM58.88 juta untuk menyediakan perkhidmatan rangkaian generasi akan datang kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
- Terbaru, pada 15 April 2024, HeiTech Padu sekali lagi mencipta kejutan dengan mengumumkan bahawa mereka menerima **surat lantikan** bagi kontrak penyelenggaraan bernilai RM190.01 juta untuk tiga tahun bagi perisian dan

perkakasan (hardware) termasuk pelayan MySikap di Pusat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang bermula 1 Mei 2024.

- Berdasarkan laporan The Edge, HeiTech Padu menerima kontrak bernilai RM36.25 juta selama kira-kira 13 bulan, berakhir pada 30 Sept 2022. Kontrak ini mengalami pelanjutan pada 2022 selama empat bulan pada RM10.49 juta, dan sekali lagi pada 2023 selama 12 bulan pada RM27.29 juta .
- Jika dilihat pada nilai kontrak kali ini, nilai kontrak untuk setahun pada 2023 adalah RM27.29 juta. Manakala bagi nilai kontrak yang baru, nilai kontrak selama setahun adalah RM63 juta (berdasarkan RM190 juta untuk 3 tahun).
- Perbezaan nilai kontrak sebanyak RM36 juta menimbulkan persoalan kepada kebanyakan rakyat Malaysia kerana skop kerja bagi kontrak yang dianugerahkan baru-baru ini adalah sama dengan kontrak pada tahun 2023. Malahan tender awal yang dianugerahkan itu naik RM5 juta daripada kontrak asal.
- Isu-isu seperti ini jelas membuktikan bahawa perjuangan DS Anwar Ibrahim selama ini dilihat hanyalah retorik kerana mereka yang berada dalam satu "kem" politik PMX itu kini semakin mendapat "anugerah" kemewahan hasil daripada kebersamaan mereka.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/655797/berita/semasa/beli-saham-rm40-juta-isham-gesa-farhash-disiasat
- https://www.bharian.com.my/amp/bisnes/korporat/2024/03/1223702/farhash-wafa-muncul-pemegang-saham-besar-baharu-heitech
- https://theedgemalaysia.com/node/704635
- https://theedgemalaysia.com/node/708083
- https://www.klsescreener.com/v2/news/view/1057595/heitech-padu-dapat-lanjutan-kontrak-daripada-jpj

Pemindahan Operasi MNC Keluar Dari Singapura

- Malaysia berpotensi besar untuk menjadi **pilihan utama syarikat multinasional** (MNC) bagi membuka tapak baharu untuk membangunkan pusat operasi setelah Singapura.
- Ini berlaku susulan daripada **kenaikan kos** sewa pejabat dan pelbagai kos lain di Singapura. Syarikat multinasional Jepun dijangka akan mempercepatkan pemindahan bahagian atau fungsi tertentu ke Thailand - bukan pemindahan penuh - seperti bahagian jualan atau perancangan korporat sahaja. Ini dijangka dapat menjimatkan kos dan mengejar peluang yang lebih luas.
- **Thailand** adalah salah satu negara tumpuan utama sasaran syarikat MNC untuk mengembangkan operasi, sesuai dengan rancangan syarikat untuk mengembangkan aktiviti pengeluaran dan jualan.
- Bukan itu sahaja, kajian survei oleh **Dewan Perdagangan Eropah** di Singapura melaporkan, terdapat hampir 69% responden berkata mereka bersedia untuk memindahkan beberapa kakitangan keluar bagi menghadapi kenaikan kos operasi.
- Antara manfaat yang boleh diambil bagi negeri-negeri untuk menjana pendapatan dan menyediakan peluang pekerjaan kepada warga tempatan adalah:
    - Berpotensi untuk membangunkan bandar-bandar di serata negara seperti Kuala Lumpur atau Iskandar sebagai hab perniagaan serantau yang menarik.
    - Peluang bagi syarikat Malaysia untuk bekerjasama membangunkan industri atau membekalkan kepada MNC di negara ini seperti bahan mineral.

- Potensi untuk pembangunan kluster industri dan ekosistem baharu jika Malaysia boleh menarik sejumlah besar MNC yang kritikal dalam sektor tertentu.

- Memandangkan kerajaan persekutuan melaksanakan dasar pelaburan berpusat, sepatutnya ini dapat membantu memberikan peluang yang adil kepada negeri-negeri di luar bandar, bukan hanya tertumpu di bandar utama seperti Johor, Lembah Klang dan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, jika dasar ini tidak membantu peringkat negeri, kerajaan persekutuan perlu bermuhasabah bagaimana untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan hubungan dua hala dengan kerajaan negeri.

- Peranan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh diperkukuhkan dengan menyediakan perkhidmatan yang inklusif dan memudahkan melalui Subnational Diplomacy (SD). Antaranya melalui:

  - Kerjasama antara bandar (City-to-city partnerships) yang akan membolehkan mereka memasarkan secara langsung kelebihan dan insentif mereka kepada MNC yang berpangkalan di bandar rakan kongsi tersebut.
  - Negeri boleh merangka insentif mereka sendiri yang disesuaikan, persekitaran kawal selia dan dasar untuk menjadikan diri mereka lebih menarik untuk industri tertentu atau operasi MNC yang mereka sasarkan.
  - Meningkatkan ketersambungan jaringan Malaysia, yang berpotensi membawa kepada lebih banyak perkongsian perdagangan dan perniagaan di seluruh dunia.

RUJUKAN

- https://asia.nikkei.com/Business/Business-trends/Singapore-loses-shine-as-Southeast-Asia-base-for-multinationals
- https://asia.nikkei.com/Business/Business-trends/Singapore-loses-shine-as-Southeast-Asia-base-for-multinationals

Waspada Impak Ekonomi Konflik Iran-Israel

- Dunia baru sahaja digemparkan dengan serangan 'balas dendam' Iran terhadap Israel pada 13 April lalu susulan provokasi melampau negara haram tersebut **mengebom konsulatnya di Damsyik** pada 1 April yang membunuh tujuh pegawai Pengawal Revolusi Iran termasuk dua komander kanan.
- Meskipun Iran telah menyatakan bahawa misi balas dendam tersebut telah selesai dan **mencapai objektif**, Israel dilihat seperti cacing kepanasan selain cenderung untuk membalas dendam serta mengheret konflik ini kepada peperangan yang lebih besar.
- Dalam satu kenyataan pada Selasa, ketua kakitangan tentera Israel, Herzi Halevi dengan angkuh memberi amaran dan berazam untuk **bertindak balas** susulan serangan lebih 300 peluru berpandu dan dron ke wilayah negara haram tersebut namun tidak memberikan butiran lanjut bila Israel akan menyerang.
- Sekiranya langkah provokasi terancang Israel ini gagal dibendung oleh negara-negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan sekutunya, dunia sekali lagi akan menerima **tempias perang** yang besar termasuk masalah inflasi dan gangguan rantaian makanan di peringkat global yang akan menjejaskan ekonomi dan kuasa beli rakyat tempatan.
- Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani, berkata walaupun kesan serangan itu masih minimum dirasai negara-negara terlibat, Malaysia harus tetap waspada sekiranya berlaku peperangan berskala besar.
- Jelasnya, mengambil contoh **serangan Rusia ke atas Ukraine** pada 2022, walaupun peperangan itu berlaku jauh dari Malaysia, kesannya dapat dirasai apabila berlaku kenaikan harga barangan berkaitan bidang ternakan.

- Sementara itu, Ketua ahli ekonomi Bank Muamalat Malaysia Berhad, Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, ketegangan konflik di Timur Tengah ini dijangka akan memberi manfaat peningkatan hasil pendapatan kepada negara memandangkan Malaysia adalah **negara pengeluar minyak bersih**.
- Tambah beliau, sektor minyak dan gas negara dijangka mencatatkan prestasi memberangsangkan kerana harga minyak dijangka terus kekal tinggi mendorong lebih ramai pemain-pemain industri syarikat minyak utama untuk melakukan eksplorasi dan pengeluaran.
- Namun, pada masa yang sama, Malaysia juga merupakan negara pengimport bersih bahan api tersebut bagi tujuan kegunaan kereta, kapal terbang dan semua jenis produk berasaskan petroleum bagi pasaran tempatan. Oleh itu, kerajaan harus waspada serta bersedia menangani jangkaan kenaikan harga minyak dunia yang lebih mahal selepas ini.
- Di samping itu, konflik Iran-Israel juga dijangka akan menjejaskan pasaran nilai **pertukaran mata wang** antarabangsa. Menurut penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, konflik di Asia Barat itu dijangka menyebabkan ringgit menyusut kepada kadar antara RM4.77 ke RM4.80.
- Ujarnya lagi, bursa seluruh dunia turut dijangka terkesan dan para pengurus dana beralih kepada memegang pelaburan Bon Terbitan 10 tahun yang kini mulai tinggi semula pada 4.5 peratus.
- Semua ini dilihat akan memberi kesan kepada peningkatan kos dalam mengimport barangan dari luar negara memandangkan dolar AS adalah mata wang yang kerap digunakan bagi tujuan penyelesaian perdagangan.
- Justeru, kerajaan diseru untuk terus waspada dan memantau kesan konflik ini kepada pasaran dan ekonomi tempatan. Usaha giat perlu dilakukan untuk menarik lebih banyak pelaburan asing ke dalam negara, mengurangkan

kebergantungan kepada barangan import selain memperkasakan barangan tempatan bagi mengurangkan impak perang yang mungkin terjadi ini.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1234597/malaysia-perlu-waspada-kesan-ekonomi-serangan-iran-ke-atas-israel
- https://www.astroawani.com/videos/awani-pagi-x7sio1/konflik-iranisrael-harga-minyak-mentah-dunia-melonjak-x8wvocm
- https://www.utusan.com.my/ekonomi/2024/04/konflik-asia-barat-ringgit-susut-berikutan-pengukuhan-dolar-as/
- https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/04/1235030/konflik-geopolitik-lonjakan-harga-minyak-cetus-risiko-ke-atas-asia

Akaun 3 KWSP Jejaskan Pencarum Lepas Bersara

- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan memperkenalkan **Akaun 3** yang akan membolehkan pencarum mengeluarkan wang bagi **tujuan kecemasan** dijangka akhir April ini.
- Penstrukturan semula akaun ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan menyaksikan Akaun 1 dinamakan semula sebagai Akaun Persaraan, Akaun 2 dinamakan Akaun Sejahtera dan pengenalan Akaun 3 sebagai 'Akaun Fleksibel'.



- Dengan akaun baharu, **caruman akan dibahagikan** dengan 75% dimasukkan ke dalam Akaun 1, 15% ke dalam Akaun 2 dan 10% ke dalam Akaun 3. Akaun sedia ada untuk ahli berusia bawah 55 tahun itu akan distruktur semula daripada dua akaun kepada tiga bermula 11 Mei depan.
- Menurut laporan *New Straits Times,* pencarum boleh memilih untuk **memindahkan dana** daripada Akaun Sejahtera ke Akaun Fleksibel melalui mekanisme mengikut pilihan itu. Pencarum juga diberi masa sehingga 31 Ogos 2024, untuk memilih bagi jumlah permulaan dalam Akaun Fleksibel.
- Pencarum juga dibenarkan untuk tidak memindahkan sebarang amaun ke dalam Akaun 3. Bagi kes sedemikian, baki mereka akan bermula dari sifar sehingga caruman baharu dikreditkan, tambah sumber itu. Simpanan daripada akaun fleksibel boleh dikeluarkan oleh pencarum pada bila-bila masa, dengan jumlah pengeluaran minimum ialah RM50.
- KWSP juga akan membenarkan pencarum yang ingin memaksimumkan kadar pulangan dengan memindahkan dana dalam Akaun 3 tersebut ke dalam Akaun 1 dan 2. Walau bagaimanapun, disebabkan Akaun 3 adalah akaun

fleksibel, ia dikatakan akan mendapat pulangan jauh lebih rendah berbanding dividen untuk Akaun 1 dan Akaun 2.

- Namun, rancangan kerajaan untuk memperkenalkan Akaun 3 bagi membolehkan pencarum KWSP mengeluarkan sebahagian caruman bulanan mereka telah menerima pelbagai kritikan.
- Persatuan Khidmat Nasihat Pencarum Perlindungan Sosial Malaysia (SPCAAM) menyifatkan rancangan itu sebagai "tidak bertanggungjawab" kerana ia akan memberi kesan kepada pencarum apabila mereka bersara kelak.
- Penasihat buruh antarabangsa SPCAAM Callistus Antony D'Angelus berkata, "pencarum KWSP yang akan membuat pengeluaran menerusi akaun itu mungkin kalangan yang paling memerlukan wang simpanan apabila bersara". Tindakan KWSP bukan saja tidak bertanggungjawab terhadap pencarum, malah terhadap ekonomi."
- Beban itu akhirnya akan ditanggung negara menerusi pelbagai cara dan bentuk. KWSP patut mengambil kira implikasi sosioekonomi ekoran keputusan dasar seumpama ini," katanya dalam sebuah kenyataan.
- Laporan itu mendakwa kerajaan telah memutuskan Akaun 3 KWSP akan merangkumi 10% simpanan akan datang yang dibuat pencarum, yang boleh dikeluarkan pada bila-bila masa. Walaupun begitu, kerajaan masih belum mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung isu ini tetapi pernah menyatakan bahawa mekanisme Akaun 3 ini akan diumumkan pada bulan ini.
- Perkara ini perlu dikaji semula oleh kerajaan dengan melihat kembali tujuan sebenar penubuhan KWSP yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452) iaitu menyediakan "faedah persaraan" kepada pencarum melalui pengurusan simpanan, bukannya satu bentuk simpanan wang yang boleh digunakan sesuka hati, lebih-lebih lagi dalam mendepani cabaran Negara Menua pada 2030.

RUJUKAN

- https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/481962
- https://www.malaysiakini.com/news/702678
- https://www.thestar.com.my/business/business-news/2024/02/29/epf-to-unveil-account-3-in-april-amir-hamzah

Cuaca Panas Datang Lagi

- Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) telah mengeluarkan **amaran cuaca panas** di 14 kawasan seluruh negara, dengan suhu dijangka naik melebihi 37°C untuk tiga hari. Kawasan tersebut melibatkan beberapa daerah di negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Sarawak dan Sabah.
- MetMalaysia mengkategorikan gelombang haba apabila suhu direkodkan antara 37°C hingga 40°C selama tiga hari berturut-turut, manakala jika situasi melebihi paras ini akan dikategorikan sebagai gelombang haba melampau.
- Cuaca panas ini sudah tentu telah mengakibatkan kesan yang tidak baik terhadap aktiviti harian apabila sebanyak 45 kes **penyakit berkaitan haba** dilaporkan di seluruh negara, menurut Ketua Pengarah Kesihatan. Kes tersebut merangkumi 33 kes kelesuan haba, 11 kes strok haba dan satu kes kejang haba.
- Dr Muhammad Radzi menasihatkan agar orang awam mengelakkan diri daripada terdedah kepada cuaca panas, banyakkan berteduh dan berehat lebih kerap termasuklah melakukan ziarah pada waktu kurang panas atau malam sepanjang musim perayaan ini.
- Selain itu, Menteri Pendidikan juga memohon **ibu bapa membuat laporan** sekiranya sekolah mengadakan aktiviti luar kelas jika suhu melebihi 35°C menerusi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA). Jabatan Pendidikan Negeri dan sekolah juga **diberikan autonomi** untuk menangguhkan aktiviti luar sekolah termasuk acara sukan dan merentas desa jika suhu melebihi 35°C.
- Untuk rekod, hujung April hingga pertengahan Mei tahun lalu beberapa bandar di Asia Tenggara telah mencatatkan **suhu paras tertinggi** sepanjang zaman. Keadaan ini didorong oleh fenomena El Niño dan pengurangan hujan semenjak musim sejuk.

Bandar	Suhu (°C)
Tuong Duong, Vietnam	44.2
Luang Prabang, Laos	43.5
Bangkok, Thailand	41.0
Singapore	37.0

- Kajian pada tahun 2022 daripada jurnal "Communications Earth & Environment" memberi amaran haba peringkat berbahaya dijangka berlaku antara tiga hingga sepuluh kali ganda berbanding sekarang menjelang penghujung abad.
- Di samping cuaca panas, beberapa kawasan turut dilanda **banjir kilat**. Terbaru, banjir kilat berlaku di Kampung Melayu Subang dan Kampung Kubu Gajah di **Selangor** berpunca daripada limpahan air sungai. Di **Seremban** pula, banjir kilat mengakibatkan stesen KTM di situ dinaiki air sehingga menjejaskan operasi kereta api yang mengalami kelewatan selama 51 minit.
- Malaysia merupakan negara yang terdedah kepada **impak perubahan iklim** meskipun sumbangan jejak karbon kita kepada dunia pada kadar yang begitu kecil. Oleh itu, penumpuan sumber perlu disepadukan untuk membangunkan infrastruktur yang boleh beradaptasi dengan kesan yang kita sedang saksikan.
- Antara langkah adaptasi yang boleh diambil dan sesuai dengan konteks negara kita termasuklah benteng penahanan banjir, anak benih tanaman yang kalis cuaca ekstrem dan kaedah pembinaan bangunan hijau.

RUJUKAN

- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/cuaca-panas-kkm-rekod-45-kes-penyakit-berkaitan-haba-setakat-semalam-466331

- https://www.cnbc.com/2023/05/15/southeast-asia-hit-with-record-breaking-heat-high-air-pollution.html
- https://www.nst.com.my/news/nation/2024/04/1036950/hot-days-ahead-14-areas-across-country
- https://www.malaysiakini.com/news/702651

Subsidi Bersasar Imbangi Keperluan Rakyat

- Subsidi adalah instrumen yang berkesan untuk **mengawal harga pasaran** dan menyediakan **keselamatan sosial** kepada rakyat terutamanya golongan B40, M40 dan peniaga kecil. Pemberian subsidi di Malaysia telah diperkenalkan bagi mengawal harga barang asas, bahan api, pertanian, kesihatan dan sosial bagi mengimbangi ekonomi domestik dan mengurangkan jurang ketidaksamaan sosial.
- Pada pemerintahan Barisan Nasional, subsidi bahan bakar, pertanian dan makanan asas telah diperkenalkan bagi mengawal harga pasaran dan mengurangkan 'domino effect' akibat kemelesetan ekonomi global.
- Sewaktu kepimpinan Najib Razak, pendekatan baharu telah diambil bagi mengurangkan beban sosial rakyat. Pemberian **Bantuan Rakyat 1 Malaysia**, baucer buku dan bantuan awal persekolahan diperkenalkan bagi memastikan golongan bersasar yang benar-benar mendapat bantuan secara terus daripada kerajaan selain kementerian masih lagi meneruskan subsidi bagi sektor pertanian.
- Peralihan ini adalah permulaan bagi digitalisasi data raya maklumat golongan bersasar. Golongan yang mendapat bantuan tersebut juga perlu disahkan oleh wakil kampung/penduduk bagi memastikan data yang diberikan sahih.
- Apabila dunia menghadapi pandemik COVID-19, kerajaan telah menyediakan sejumlah peruntukan bajet bagi mengatasi krisis kesihatan dan mengutamakan pemberian sosial terus kepada rakyat bagi mengurangkan impak ekonomi domestik serta global.
- Pemberian subsidi bagi sektor kesihatan telah memudahkan pemberian vaksin kepada penduduk di Malaysia selain ia memudahkan urusan pembelian fasitiliti kesihatan bagi membantu golongan yang berjangkit

dengan wabak tersebut. Kerajaan juga telah membangunkan aplikasi MySejahtera bagi mendigitalkan rekod kesihatan dan perubatan rakyat.

- Ini menjadikan proses digitalisasi menjadi lebih bersasar bagi menangani sesuatu isu. Keyakinan ini menjadikan Kerajaan Madani ingin melaksanakan dasar digitalisasi bagi subsisdi bersasar. Inovasi dan digitalisasi ini dikatakan akan memudahkan kerajaan untuk menerima maklumat rakyat dan sektor tertentu.
- Untuk tujuan itu, Kerajaan telah menyatakan tekad untuk membangunkan **Pengkalan Data Utama** (PADU) bagi mengurangkan pembaziran kewangan kerajaan, penyalahgunaan dana dan bagi memastikan golongan serta sektor tertentu menerima subsidi kerajaan secara telus dan cekap.
- Sebuah laporan bertajuk "Digital Dividends: Strengthening the Analog Foundation of the Digital Revolution" yang dikeluarkan oleh World Bank (2022) telah menyatakan kepentingan **membina analog yang kukuh** bagi memperkasakan revolusi digital dalam negara. Digitalisasi adalah releven bagi memaksimumkan pelaburan digital selain ia menjadi platform yang pesat bagi merancakkan ekonomi domestik. Namun begitu, World Bank juga menyatakan **risiko ketelusan dan akauntabiliti** akan berlaku sekirnya asas analog yang dibina tidak kukuh serta ia membuka ruang terhadap risiko penyalahgunaan data.
- Untuk pemberian subsidi secara digital, keperluan utama yang perlu diselasaikan oleh kerajaan adalah **meningkatkan capaian internet** yang lebih terjangkau dengan harga berpatutan bagi membolehkan rakyat mendapat akses yang lebih mudah. Akses internet membantu rakyat untuk mengemaskini maklumat yang terkini dan tepat.
- Walau bagaimanapun, kerajaan perlu cakna akan berlaku risiko kebocoran maklumat peribadi dan keselamatan siber. Selain itu, kerajaan juga perlu

mengambil kira golongan buta IT, penduduk luar bandar dan golongan warga emas yang sukar berasimilasi dengan revolusi digital.

- Secara amnya, dasar kerajaan untuk melaksanakan subsidi bersasar adalah satu polisi yang baik bagi mengurangkan beban kewangan negara, ketirisan dan kadar hutang negara. Namun instrumen yang berkesan perlulah dirangka dengan berhati-hati dan telus bagi menjamin keadilan sosial. Prinsip 'leave no one behind' perlu dihayati bagi memastikan rakyat miskin dan memerlukan dapat menikmati manfaat subsidi yang lebih telus dan efisian.

RUJUKAN

- https://elibrary.worldbank.org/doi/10.1596/978-1-4648-0671-1_ov



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**